

Di Sebalik Tanggungjawab Ada Ganjaran Pahala

Di Sebalik Tanggungjawab Ada Ganjaran Pahala

Daripada Abu Mas'ud daripada Nabi SAW, baginda bersabda:

“Apabila seseorang memberi nafkah untuk keluarganya dengan niat mengharapkan pahala maka baginya (pahala) sedekah.”

(Hadith riwayat al-Bukhari, No.Hadith : 55, Muslim, No.Hadith : 1002)

Pengajaran Hadith :

Kewajipan memberikan nafkah kepada keluarga menjadi tanggungjawab suami. Selain suami menunaikan nafkah berbentuk material, turut dituntut untuk memberikan nafkah berbentuk ilmu akhirat kepada keluarganya.

Setiap wang yang dinafkahkan kepada keluarga akan dikira pahala sedekah apabila seseorang itu menunaikan tanggungjawabnya semata-mata kerana Allah SWT. Hanya amalan yang dilakukan kerana Allah SWT akan diganjar pahala.

Keutamaan memberikan nafkah kepada keluarga lebih besar ganjaran pahalanya kerana itulah kewajipan yang amat dituntut dalam Islam.